

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI SELASA, 14 DISEMBER 2021

1. YDH TOH SYAHBANDAR ULU, YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)

Kesan Pendemik Covid 19.

- (a) Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap keluarga mangsa yang terkesan wabak ini yang melibatkan kematian kepada ketua isi rumah (KIR). Berapakah jumlah keluarga yang terlibat dan apakah bantuan yang telah disalurkan?
- (b) Apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi mempastikan peniaga kecil yang terkesan dari pandemik ini untuk meneruskan perniagaan mereka.
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu golongan B40 terdiri dari petani, penternak dan nelayan dalam meningkatkan semula pendapatan mereka

2. YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)

Masalah lalat di kawasan Sitiawan masih membelenggu rakyat Sitiawan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah ini?

- (a) Adakah pihak kerajaan telah meminda Enakmen Perladangan Unggas 2005 untuk memastikan masalah ini diselesaikan pada masa hadapan?
- (b) Berapa ladang di kawasan Manjung telah ditutup oleh pihak veterinar pada tahun 2021 atas sebab tidak menguruskan ladang dengan baik dan menyebabkan masalah lalat masih membelenggu rakyat kawasan Sitiawan?

3. YB ENCIK LOH SZE YEE (JALONG)

Apakah tindakan dan perancangan kerajaan dalam menangani masalah 'banjir buatan manusia' seperti penanaman semula, sungai tersekat dan sebagainya? Apakah agensi yang terlibat dan punca kuasa tindakan mereka?

4. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BLANJA)

Kenaikan harga barang

Kenaikan harga barang telah memberikan tekanan dalam kehidupan masyarakat

- (a) Nyatakan jumlah operasi pemantauan yang dilakukan oleh pegawai perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna mengikut daerah sepanjang tahun 2020 hingga oktober 2021?
- (b) Apakah dapatan yang diperolehi daripada pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa terhadap isu kenaikan harga barang?
- (c) Nyatakan perancangan kerajaan negeri dalam memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barang terutama barang mentah dan binaan sewenang-wenangnya

5. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN (CHANGKAT JONG)

TONG SAMPAH DAN PEMUNGUTAN SAMPAH DI LUAR KAWASAN OPERASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Soalan saya;

- (a) Apakah daya usaha pihak Kerajaan untuk menyelesaikan isu pembuangan sampah dalam kampung-kampung tradisional, setinggan bagi mengelak mereka buang sampah di tepi-tepi jalan dan tempat yang sepatutnya?

- (b) Adakah kerajaan bersedia mewujudkan sistem pengurusan sampah yang sistematik dengan membekalkan tong sampah serta menyediakan perkhidmatan lori sampah?

6. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memberi kebenaran khas atau lesen menduduki sementara kepada mereka yang sedang mengusahakan tanah kerajaan negeri untuk aktiviti pertanian?

7. **YB DR. JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)**

Program Industri Hijau telah dilaksanakan di negeri Perak.

- (a) Nyatakan sejauhmana Program Industri Hijau ini dilaksanakan oleh firma perindustrian dalam negeri Perak.
- (b) Nyatakan firma perindustrian yang dianugerahkan sebagai pengamal Industri Hijau terbaik dalam program Industri Hijau di negeri Perak.
- (c) Nyatakan berapa firma perindustrian yang dikenakan denda atau kompaun dalam kesalahan mencemari alam sekitar di setiap daerah dalam negeri Perak

8. **YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)**

Semasa Negara berdepan dengan beberapa fasa Pemulihan akibat pandemik Covid, terdapat banyak penjaja penjaja jalanan membuka gerai gerai jualan akibat kehilangan kerja dan sebagainya, soalan saya :-

- (i) Sehingga kini berapakah jumlah lesen penjaja kecil yang telah diluluskan oleh PBT , terutamanya di DUN Tronoh?
- (ii) Adakah bantuan lain disediakan oleh Kerajaan Negeri selain dari bantuan one off RM300 kepada 47,226 penjaja dan peniaga kecil yang berlesen untuk memulakan perniagaan selepas tamat

- tempoh PKP?
- (iii) Sekiranya Penjaja ini tidak mempunyai lesen (sepanjang tempoh PKP dilaksanakan) adakah mereka layak memohon apa apa bentuk bantuan sekiranya mereka memohon lesen selepas tamat tempoh PKP?

9. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU (PASIR BEDAMAR)

Pembangunan Lebuhraya Pesisir Pantai Barat ataupun West Coast Expressway (WCE) sepanjang 139.2 kilometer dinyatakan akan yang memberi limpahan manfaat kepada Hilir Perak. Apakah pelan pembangunan yang telah dirancang dan berapakah peruntukan yang telah diberikan.

- (i) Apakah status terkini rancangan ini

10. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)

Menurut laporan Berita Harian Metro, Oktober 2020, sejak merdeka sehingga kini , terdapat harta pusaka beku dan tidak dituntut oleh waris bernilai kira-kira RM70 bilion di negara kita. Prosedur hak milik tanah agak merumitkan. Ini memberi kesan kesukaran proses mentadbir, mengurusniaga dan membangunkan tanah-tanah ini. Bolehkah pihak kerajaan mengubal semula syarat dan memudahkan proses pemilikan tanah yang telah berlapis lapis dan patuhi syariah

11. YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

- (i) Apa yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengelak kes keganasan rumah tangga berulang lagi semasa PKP?
- (ii) Apa bantuan dan sokongan telah diberi kepada mangsa-mangsa oleh Kerajaan Negeri?
- (iii) Berapa kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan di Negeri Perak sepanjang tempoh PKP?

12. YB DR. KO CHUNG SEN (KEPAYANG)

Daripada Kepayang

Tajuk: Program Telefon Pintar Inisiatif TCS

- (a) Berapakah jumlah telefon pintar inisiatif TCS tidak dapat diedarkan mengikut jadual yang telah ditetapkan?
- (b) Apakah punca penangguhan tersebut?
- (c) Bilakah masalah tersebut akan diselesaikan?

13. YB ENCIK CHONG ZHEMIN (KERANJI)

Anjing dan kucing Liar

- (a) Sila senaraikan jumlah Anjing dan kucing liar yang ditembak mati pada Tahun 2020 dan 2021 semasa operasi dijalankan oleh PBT dengan pecahan terperinci bagi setiap daerah.
- (b) Apakah tempoh pengurungan bagi anjing dan kucing liar yang telah ditangkap.
- (c) Apakah kaedah pelupusan anjing dan kucing liar selepas tempoh pengurungan dan tidak dituntut oleh mana-mana pihak?

14. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Isu peluang pekerjaan golongan warga emas dan OKU.

- (i) Sila jelaskan bagaimana pihak kerajaan negeri membantu 2 golongan ini untuk mencari kerja?
- (ii) Sila terangkan agensi-agensi atau syarikat swasta yang giat terlibat dalam usaha ini?
- (iii) Apakah bentuk bantuan dihulurkan kepada pihak swasta sebagai galakan untuk mengambil pekerja untuk 2 golongan ini?

15. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

Adakah boleh pihak kerajaan menimbangkan semula tapak pelupusan sampah yg digazetkan kepada MPT sebanyak 100 ekar ditukar status kepada kawasan pertanian memandangkan tapak pelupusan yang dicadang itu sangat tidak sesuai berada di lokasi tersebut?

- (a) Bolehkan pihak kerajaan mencari alternatif kawasan lain yang lebih sesuai untuk digazetkan kepada MPT memandangkan semua penduduk Kg Sg Rotan tidak bersetuju dengan perkara tersebut?
- (b) Bolehkan pihak kerajaan negeri menambahkan lagi peruntukan pengurusan sampah bagi kawasan-kawasan yg berada dibawah pentadbiran PLB?

16. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)

Berkaitan dengan isu tanah milik Koperasi Pertanian Kerian Berhad di Sungai Betul Bawah seluas 200 ekar. Hasil tinjauan saya pada 19 Oktober 2021 mendapati berlakunya pencerobohan di situ, kerja-kerja tanah dan pembinaan jalan masuk beserta sebuah jambatan telah dibina merentangi alur sungai tersebut. Notis arahan pemberhentian kerja-kerja tanah di kawasan tersebut telah diletakkan, namun pihak berkenaan tetap melakukan pencerobohan.

- (i) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri mahupun agensi berkaitan mengambil tindakan berkaitan isu ini ketika pencerobohan sedang berlaku?
- (ii) Pembinaan jambatan yang merentangi alur sungai tersebut telah menyekat laluan para nelayan pantai untuk mencari ketam nipah sebagai sumber pendapatan harian mereka. Apakah tindakan yang wajar diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam membantu nasib para nelayan tempatan ini daripada terus ditindas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab?
- (iii) Berdasarkan semakan, pihak Koperasi Kerian Berhad masih belum mengemukakan permohonan mahupun mendapat sebarang kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan kerja-kerja tanah di situ. Apakah tindakan

kerajaan negeri yang boleh dikenakan terhadap Koperasi Kerian Berhad apabila dua notis ini langsung tidak dihiraukan?
